

28/09/1998

Abim diminta perbetul perjuangan

ALOR STAR, Ahad - Pemimpin dan ahli Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim) diminta kembali ke landasan perjuangan benar dan tidak menjadikan isu pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim, sebagai perkara yang boleh melemahkan perjuangannya.

Mereka tidak seharusnya terbabit dalam gerakan reformasi yang tidak membawa sebarang makna kepada Malaysia.

Ketua Penerangan Umno Kedah, Datuk Badrudin Amiruldin berkata, pemimpin dan ahli Abim perlu menyoal diri sendiri apakah Islam menganjurkan umatnya mempamerkan penentangan dalam perkara yang tidak dipersetujui mereka melalui demonstrasi, sekali gus menimbulkan kekacauan.

Sebaliknya, kata beliau, Islam menganjurkan umatnya memilih perundingan sebagai kaedah bagi menyelesaikan sesuatu masalah.

"Reformasi yang dimaksudkan ialah kita berjuang untuk keluar daripada kemelaratan hidup akibat penindasan tetapi di negara ini, kita tidak ditindas sama ada dari aspek politik, ekonomi atau sosial.

"Reformasi yang diperjuangkan penyokong Anwar tidak membawa sebarang makna selain menyelamatkan Anwar seperti yang didakwa oleh Anwar iaitu beliau difitnah," katanya ketika dihubungi, hari ini.

Menurutnya, bagi Umno Kedah, reformasi yang dilaungkan penyokong Anwar tidak mendapat tempat di kalangan pemimpin dan ahli 15 bahagian Umno di negeri itu kecuali bagi mereka yang enggan menerima penjelasan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Badrudin yang juga Ahli Parlimen Yan berkata, setiap bahagian Umno di Kedah sudah diminta menjemput seorang tokoh Ahli Majlis Tertinggi (MT) untuk memberikan penjelasan berhubung pemecatan Anwar daripada Kerajaan dan parti.

(END)